



IBU DAN GURU KONGSI GEMBIRA: Ummi Fatinah mendapat keputusan baik bagi PSLE terutama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Gurunya Cikgu Zubaidah (*kiri*) banyak memberi inspirasi dan motivasi kepadanya. Selain itu, ibunya Cik Zalinah selalu mengingatkannya agar dia rajin mengulang kaji dan membuat tugas sekolah secara konsisten.

Cinta pada bahasa, budaya Melayu buahkan hasil

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

CINTANYA terhadap bahasa dan budaya Melayu bukan sahaja terbukti dengan keputusan cemerlangnya dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), bahkan menjadi satu faktor dalam pemilihan sekolah menengahnya.

Itulah yang dikongsi Ummi Fatinah Samsulbahari ketika ditemui semalam setelah dia mendapat keputusan peperiksaan itu.

“Saya minat bahasa Melayu kerana ia merupakan bahasa ibunda saya dan saya mahu lebih ramai lagi orang mengetahui budaya kita,” kata Ummi, 12 tahun.

Murid Sekolah Rendah Rivervale itu merupakan antara 38,808 murid di Singapura yang menerima keputusan PSLE mereka semalam.

Minatnya terhadap bahasa Melayu juga telah mendorongnya mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu Lanjutan sejak di darjah 5.

Malah, Ummi merupakan satu-satunya murid darjah 6 di sekolahnya yang mengambil mata pelajaran tersebut tahun ini.

“Bahasa Melayu Lanjutan lebih mencabar berbanding Bahasa Melayu tetapi saya selalu mengulang kaji pelajaran itu.

“Kertas PSLE-nya juga cukup mencabar. Saya teragak-agak menulis jawapan bagi kebanyakan soalan tapi saya tetap dapat menjawab kesemua soalnya,” ujar Ummi yang meraih gred A* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Lanjutan.

Anak bongsu Cik Zalinah Zakaria, 48 tahun,

seorang pekerja sambilan di McDonald’s, dan Encik Samsulbahari Samsudi, 49 tahun, seorang penolong jurutera, itu juga pernah menerima anugerah bagi keputusan Bahasa Melayu terbaik di sekolahnya tahun ini.

Jelas, kefasihan Ummi menggunakan bahasa ibundanya itu tidak perlu dipertikai lagi.

Apakan tidak, dia amat selesa dan lancar berbahasa Melayu sepanjang temu ramah dengan akhbar ini.

Mengakui hal tersebut, guru Bahasa Melayu Ummi di sekolah itu, Cikgu Zubaidah Zainal Abidin, berkata:

“Kekuatan Ummi saya rasa adalah kerana dia banyak membaca. Jadi kosa katanya melebihi rakan yang seusia dengannya.”

Ditanya sekolah mana yang akan dipilihnya, Ummi, yang mendapat agregat 233, berkata dia masih berfikir antara Sekolah Menengah Xinmin atau Sekolah Menengah Edgefield – keduanya berdekatan rumahnya di Rivervale, Sengkang.

“Bagi saya, semua sekolah adalah sekolah yang baik.

“Saya pilih dua sekolah itu bukan sahaja kerana ia berdekatan rumah saya bahkan kedua sekolah itu menawarkan mata pelajaran Bahasa Melayu Lanjutan.

“Selain itu, ia juga ada tarian Melayu sebagai satu kegiatan luar darjah,” jelasnya.

Ummi, yang juga anggota kelab tarian Melayu di sekolah rendahnya, berminat meneruskan dengan kegiatan itu setelah melangkah ke sekolah menengah selain menyambung pembelajarannya dalam Bahasa Melayu Lanjutan.